



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A (H1N1) 15 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 15 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah sebelas (11) laporan kejadian kluster ILI daripada lima (5) buah negeri seperti di '**Lampiran 1**'.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 14 April 2010, jumlah terkumpul kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 528 kes. Daripada jumlah tersebut, 68 kes (12.9%) telah disahkan positif influenza A(H1N1), manakala lapan (8) kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) adalah 12, 971 kes. Tiada laporan kematian yang diterima semalam.

Kementerian Kesihatan ingin terus mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Masyarakat harus sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti yang telah dihebahkan sebelum ini. Orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti ibu hamil, menghadapi penyakit kronik seperti asma, diabetes, buah pinggang, jantung dan lain-lain, perlu segera mendapatkan pelalian vaksin A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian seluruh Negara. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 15 April 2010

Senarai Laporan Kejadian Kluster Influenza-Like Illness (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 15 April 2010

Bil.	Institusi	Negeri	Tarikh Laporan	Bil. Kes ILI (Awal)	Keputusan Sampel Klinikal Yang Diambil
1	Rumah Kediaman di Batu 2 ³ / ₄ , Kg Ladang, Semabok	Melaka	14-Apr-10	2 orang	2 sampel positif H1N1
2	PLKN Putra Putri Taboh Naning, Alor Gajah	Melaka	14-Apr-10	15 orang	Belum Diketahui
3	Rumah Kediaman di Bandar Puteri, Klang	Selangor	14-Apr-10	2 orang	2 sampel positif H1N1
4	Rumah Kediaman di Taman Alam Nyata Kebun Seksyen 36 Shah Alam	Selangor	14-Apr-10	2 orang	2 sampel positif H1N1
5	Rumah Kediaman di Jln Rantau Panjang, Klang	Selangor	14-Apr-10	3 orang	3 sampel positif H1N1
6	Rumah Kediaman di Taman Andalas Jaya, Klang	Selangor	14-Apr-10	2 orang	2 sampel positif H1N1
7	Sek Men Keb Kuala Kubu Baru	Selangor	14-Apr-10	3 orang	3 sampel positif H1N1
8	SJKC Chong Hwa, Senggarang, Batu Pahat	Johor	14-Apr-10	5 orang	Belum Diketahui
9	SM Vokasional, Batu Pahat	Johor	14-Apr-10	3 orang	Belum Diketahui
10	SBP Integrasi Indera Mahkota, Kuantan	Pahang	14-Apr-10	24 orang	Belum Diketahui
11	PLKN White Resort, Balik Pulau	Pulau Pinang	14-Apr-10	11 orang	1 sampel positif H1N1

